



Penyelidik UMP cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan ilmiah

Penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus cemerlang dalam penyelidikan dan penerbitan ilmiah yang dapat dimanfaatkan serta dikongsi bersama masyarakat di negara ini.

Ini adalah sejajar dengan hasrat UMP yang akan terus memberi tumpuan besar dalam memperkasa pencapaian universiti dalam penyelidikan, kreativiti dan inovasi.

Dengan kejayaan meraih 31 pingat emas, 14 pingat perak dan 12 pingat gangsa serta 13 anugerah khas, dapat memberi keyakinan kepada agensi kerajaan, swasta dan industri untuk terus berkolaborasi, khususnya dalam lapangan penyelidikan, inovasi, penerbitan berimpak tinggi, dan pembiayaan dana.

Menteri Besar Pahang, YAB Datuk Sri Diraja Adnan Haji Yaakob berkata, UMP kini berada pada landasan yang kukuh dan sebagai salah satu universiti awam di Malaysia, UMP bertanggungjawab memastikan hasil penyelidikan ini dapat dimanfaatkan bersama masyarakat.

Beliau yang hadir merasmikan Majlis Anugerah Cendekia Bitara di Hyatt Hotel Rengency Resort Kuantan pada 27 April 2015 yang lalu mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah dan semoga kejayaan ini dapat menginspirasi warga universiti untuk terus berkarya dengan daya intelektualisme, inovasi dan kreativiti.

Sementara itu, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, sepanjang tahun lalu, universiti telah

menerima geran penyelidikan bagi 267 projek penyelidikan.

"Pencapaian yang ketara turut dicatatkan dalam perolehan geran antarabangsa pada tahun lalu yang mencatatkan peningkatan sebanyak 54.9 peratus berbanding perolehan bagi tahun 2013.

"Dalam konteks penerbitan ilmiah mencatatkan sejumlah 736 penerbitan ilmiah dihasilkan berbanding 340 penerbitan ilmiah pada tahun 2013. Perkembangan penerbitan yang sangat dinamik ini merangkumi penulisan karya asli, buku penyelidikan, artikel jurnal, kertas persidangan, bab di dalam buku *Chapter of Book* dan rencana ilmiah yang dihasilkan oleh para staf akademik UMP," katanya.

Tambah Dr. Daing Nasir, pencapaian menjadi lebih bermakna dengan kejayaan *International Journal of Automotive and Mechanical Engineering (IJAME)* indeks oleh pangkalan data terkenal dunia iaitu SCOPUS dan *Elsevier Bibliographic Database (EBD)* dalam tempoh yang singkat, sekali gus membuktikan kemampuan UMP dalam menghasilkan kualiti penerbitan bertaraf dunia.

Mengikut laporan *Source Normalized Impact Per paper (SNIP)*, *Impact Per publication (IPP)* dan *Scimago Journal Ranking (SJR)* yang dikeluarkan pada Julai 2014, IJAME juga telah menduduki tangga teratas daripada 78 buah jurnal indeks oleh SCOPUS di negara ini dalam bidang Sains.

UMP juga memperlihatkan keupayaan menarik pembiayaan geran industri yang antaranya melibatkan kerjasama antara universiti ini dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam melaksanakan projek inkubator pengeluaran gelatin halal.

Projek yang bakal bermula pada pertengahan tahun ini bukan sahaja mensasarkan penghasilan sejumlah 240 hingga 300 tan gelatin halal setahun, malahan turut memfokuskan kepada pembangunan usahawan dalam perniagaan yang berkaitan.

Dari sudut pengkomersialan pula, produk Asarfont yang dihasilkan oleh pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK) iaitu Asar Abdul Karim kini menerima pembiayaan *Commercialization Seedfund* UMP.

Produk ini telah menerima permintaan tambahan daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang membolehkan produk ini digunakan di *Chromebook* dan *Android* sebagai rujukan utama guru dan pelajar sekolah yang ditadbir KPM.

Sehingga kini, UMP mempunyai tiga syarikat *spin off* yang telah ditubuhkan oleh UMP, dengan kerjasama UMP Holdings iaitu UMP Ecopest Sdn. Bhd., UMP Green Technology Sdn. Bhd. dan UMP Innovest Sdn. Bhd.

Selain itu, rundingan strategik UMP dengan Johor Corporation dan Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) bakal membuahkann hasil bagi membolehkan syarikat kerjasama (*joint venture*) tersebut dibentuk.

Dalam majlis ini, seramai 55 orang